

Peranan Kolej Vokasional dalam Pembangunan Modal Insan Cemerlang

MINDA PENDIDIK

Oleh Prof. Madya Dr. Abdul Said Ambotang & Asrin Gili

UB 14.8.2019 B2

MALAYSIA mahupun mana-mana negara pasti tidak akan mampu mencapai kemajuan tanpa memiliki modal insan cemerlang yang berkemahiran tinggi, yang boleh bertindak balas dengan pantas dan kreatif terhadap perubahan ekonomi, dan berpaksikan kepada penjanaan dan penggunaan pengetahuan.

Oleh itu, satu-satunya pilihan ialah menggerakkan semua potensi, kemahiran dan bakat seluruh rakyat secara aktif dan memastikan kualiti sumber manusia sentiasa dipertingkatkan untuk menambah kecekapan dan daya pengeluaran negara.

Menyedari hakikat ini, Malaysia telah mengambil langkah proaktif dengan melancarkan Transformasi Pendidikan Vokasional pada tahun 2012. Salah satu perubahan penting dalam sistem pendidikan negara melalui transformasi ini ialah penjenamaan Sekolah Menengah Vokasional (SMV) menjadi Kolej Vokasional (KV) sebagai inisiatif untuk memperkasakan pembangunan modal insan cemerlang. Transformasi ini merangkumi semakan menyeluruh kurikulum sedia ada, mengguna pakai beberapa kaedah penilaian dan pentaksiran baharu, meningkatkan kemahiran tenaga pengajar serta mengukuhkan jaringan kerjasama dengan industri.

Matlamatnya adalah untuk membentuk modal insan bersahsiah, berilmu dan berkemahiran tinggi. Berbeza dengan sistem pensijilan SMV yang hanya menawarkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), KV menawarkan pengajian sehingga peringkat diploma dalam tempoh sekurang-kurangnya empat tahun dan lima bulan pengajian.

Setelah tamat pengajian, pelajar akan bergelar graduan diploma sekiranya telah memenuhi kesemua syarat yang ditetapkan. Justeru itu, kemasukan ke KV bukan sahaja menjadi laluan pintas kepada pelajar lepasan Tingkatan 3 (PT3), bahkan ia juga dapat mengatasi masalah keciciran pelajar dalam bidang akademik kerana pelajar yang dipilih adalah mereka yang berprestasi lemah dan sederhana di peringkat menengah rendah. Kemasukan ke KV membuka peluang kepada mereka untuk mempelajari kemahiran dengan harapan dapat mencerahkan peluang untuk bersaing dalam pasaran buruh kelak. Walaupun perubahan sistem pendidikan ini jelas memberi lebih banyak ruang dan peluang kepada pelajar aliran vokasional untuk berjaya, namun proses transformasi ini secara relatifnya masih baharu dan KV sedang mengalami fasa-fasa yang unik ekoran banyaknya isu dan cabaran yang dihadapi.

Isu dan cabaran utama ialah keberkesanannya KV dalam melahirkan pelajar yang benar-benar mempunyai kebolehgajian atau *employability* yang mantap dan bersedia bersaing dalam pasaran buruh yang sukar diramal pada masa ini. Tambahan pula, salah satu objektif utama KV ialah menghasilkan graduan yang mempunyai tahap kebolehgajian yang tinggi, bahkan intitusi ini juga telah mensasarkan sekurang-kurangnya 70 peratus daripada pelajar akan mendapat pekerjaan selepas menamatkan pengajian, sementara 20 peratus akan melanjutkan pengajian di peringkat lebih tinggi dan 10 peratus lagi akan menjadi usahawan yang berdaya saing. Kebolehgajian pelajar boleh ditakrifkan sebagai satu set pencapaian (kemahiran, kefahaman dan sifat peribadi) yang membuatkan pelajar lebih mudah mendapat kerja selepas menamatkan pengajian

dan berjaya dalam kerjaya pilihannya, yang seterusnya memberi manfaat kepada mereka sendiri, tenaga kerja, komuniti dan ekonomi.

Kebolehgajian ini merupakan indikator utama kepada kebolehpasaran pelajar, sekali gus petunjuk kepada keberkesanannya institusi pendidikan dan latihan. Namun ia tidaklah mudah untuk mencapainya berikutan pasaran buruh yang pesat berubah, globalisasi dan peningkatan teknologi pada masa ini. Mendepani isu ini, KV perlu memastikan semua program pendidikan dan kurikulum yang dilaksanakan menjurus kepada pembangunan kebolehgajian yang mampan. Jika graduan yang dikeluarkan tidak mempunyai kebolehgajian yang mantap, sudah tentu dia sukar untuk dipasarkan dan tidak relevan dengan pasaran buruh. Dalam situasi ini, sistem pendidikan boleh dikatakan telah gagal.

Seperkara lagi yang agak kritikal dan perlu ditangani dengan saksama adalah kualiti pendidikan yang diberikan. Ini perlu ditangani bukan sahaja melalui laluan tradisi akreditasi dan semakan kursus, soal selidik maklum balas pelajar tentang kualiti penyampaian dan pengajaran kursus, tetapi juga melalui penilaian tentang apa yang pelajar sendiri pertimbangkan sebagai elemen dalam kualiti perkhidmatan.

Adalah mustahak untuk mengekalkan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan serta imej korporat yang baik kerana ia secara langsung memberi kesan kepada kepuasan pelajar, sekali gus memberi gambaran sama ada operasi institusi berjaya atau sebaliknya. Tambahan pula, beberapa kajian empirikal juga telah mengesahkan bahawa kualiti perkhidmatan memberi impak yang positif kepada kebolehgajian dan kebolehpasaran pelajar.

Justeru itu, kualiti

perkhidmatan yang ditawarkan oleh KV seharusnya perlu bersifat lebih holistik dengan mempertimbangkan kedua-dua aspek penting dalam perkhidmatan iaitu kefungsian dan teknikal. Kualiti perkhidmatan kefungsian dilihat menerusi kualiti pentadbiran, teras pendidikan, fasiliti sokongan serta kualiti persekitaran fizikal, sementara kualiti teknikal pula lebih kepada kualiti transformatif yang berkaitan dengan komponen peningkatan dan pemerkasaan pelajar. Untuk lebih berperanan, KV perlu memberi penekanan kepada kualiti perkhidmatan transformatif kerana ia membolehkan pelajar lebih stabil secara emosi, lebih berkeyakinan dan mempunyai kesedaran diri serta dapat mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis di samping memperkuuhkan lagi pengetahuan, kebolehan dan kemahiran pelajar. Kesemua elemen ini adalah pelengkap kepada kualiti peribadi pelajar yang dihasilkan.

Jaringan kerjasama antara industri dan KV juga adalah isu penting yang perlu diberi perhatian wajar. Ini sangat penting dalam memastikan kurikulum pendidikan yang ditawarkan sentiasa relevan dan selari dengan keperluan dan permintaan industri. Salah satu bentuk jaringan kerjasama utama yang perlu ditangani dengan teliti ialah pelaksanaan pembelajaran berdasarkan pengalaman kerja melalui latihan industri atau *on-job training* (OJT) yang menjadi salah satu syarat penganugerahan diploma kepada pelajar KV. Program yang dijalankan selama lima bulan ini bertujuan untuk mendedahkan dan melatih bakal graduan melaksanakan pekerjaan dalam persekitaran kerja sebenar serta meningkatkan kebolehgajian. Latihan industri juga berfungsi sebagai titik pertemuan antara pelajar dengan majikan dan saluran transisi

pelajar daripada pendidikan ke tempat kerja.

Namun begitu, masih wujud keimbangan tentang sejauh mana kolaborasi ini mampu membantu persiapan pelajar untuk melangkah ke dunia pekerjaan. Terdapat beberapa dapatan penilaian yang mendakwa bahawa latihan industri sering menimbulkan masalah berbanding menyelesaikan masalah. Ini kerana wujud situasi yang mana pelajar yang menjalankan latihan industri sering kali digunakan untuk melakukan kerja-kerja yang tidak berkaitan dengan bidang pengajian. Senario ini amatlah merugikan kerana pelajar tidak akan mencapai apa yang sepatutnya diperoleh semasa latihan industri. Selain itu, pengaplikasian teori yang dipelajari dalam bilik kuliah di tempat kerja juga dikhawatir berada pada tahap paling minum disebabkan oleh kurangnya kepercayaan majikan terhadap pelajar serta kekurangan sokongan daripada rakan sekerja.

Implikasinya, pelajar gagal mendapat kepuasan dan ini pastinya akan membantutkan matlamat untuk memberikan pembelajaran pengalaman terbaik kepada pelajar, sekali gus mematahkan motivasi dan keyakinan mereka.

Sejajar dengan percambahan dan kepesatan kemajuan teknologi yang semakin canggih, gaya pembelajaran terarah kendiri merupakan satu daripada ciri yang sangat diperlukan oleh graduan pada masa ini agar lebih cemerlang dalam akademik dan lebih penting lagi untuk meningkatkan kebolehgajian serta daya tarik dalam pasaran buruh. Pembelajaran terarah kendiri adalah kompetensi atau keupayaan belajar sendiri secara berterusan yang penting dalam dunia hari ini agar dapat kekal dalam arus perubahan dan untuk mendapatkan pengetahuan serta informasi terkini. Justeru itu, pembelajaran terarah kendiri

dianggap sangat membantu pelajar untuk beradaptasi dan menangani perubahan pesat dalam persekitaran sosial, fizikal dan pekerjaan.

Namun begitu, dalam konteks KV, sejauh mana institusi ini berperanan memupuk dan membekalkan pelajar dengan kompetensi ini adalah isu serta cabaran baharu yang tidak boleh diabaikan. Ini kerana pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran terarah kendiri akan mempunyai kebolehan, sifat, nilai, sikap dan kemahiran yang menggalakkan kebolehsuaian yang lebih proaktif dalam perubahan dan persekitaran yang sukar dijangkakan.

Kelebihan inilah sebenarnya yang sangat berkait rapat dan diperlukan untuk meningkatkan kebolehgajian pelajar kerana ia dapat menangani permintaan baharu terhadap kompetensi yang diperlukan dalam dunia pekerjaan. Justeru itu, pihak KV dituntut agar lebih teliti, kreatif dan berinovasi dalam pelaksanaan kurikulum pendidikan supaya dapat menyokong dan merangsang gaya pembelajaran terarah kendiri dalam kalangan pelajar.

Sesungguhnya pewujudan kolej vokasional merupakan langkah murni yang menunjukkan keseriusan kerajaan untuk menangani keperluan peningkatan modal insan cemerlang menerusi pendidikan vokasional. Walau bagaimanapun, kecekapan dan kreativiti dalam menangani setiap isu dan cabaran yang timbul sangat penting bagi memastikan matlamat sebenar pendidikan ini dapat dicapai dengan lebih baik, sekali gus mengubah stigma masyarakat umum yang beranggapan bahawa aliran vokasional sebagai pendidikan kelas kedua.

* Penulis adalah Pensyarah Kanan dan pelajar pascasiswazah di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah. Boleh dihubungi melalui solat5@yahoo.com